

NO. SOALAN : 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN
HAJI AHMAD [MERSING]**

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

YB. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan impak terhadap industri pelancongan setelah Operasi Pasir dilakukan dan diikuti dengan penubuhan ESSCOM di Timur Sabah. Adakah kehadiran pelancong asing terjejas ekoran daripada berlaku beberapa penculikan di kawasan berkenaan. Jika benar, apakah usaha Kementerian untuk menjelaskan bahawa kawasan tersebut masih selamat untuk dikunjungi.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Operasi Pasir dan penubuhan ESSCOM di Sabah sebenarnya telah memberi keyakinan kepada para pelancong dari segi keselamatan di kawasan persisiran pantai Sabah terutamanya di Lahad Datu. Sehingga bulan April, sebanyak 30,000 tempahan pelancong yang dibatalkan atau ditangguhkan telah dilaporkan akibat kesan utama dari insiden MH370. Namun begitu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan tetap komited dalam usaha mengekalkan momentum pembangunan industri pelancongan negara dengan melaksanakan beberapa pendekatan strategik bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah (KEPKAS) bagi memastikan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 tidak terjejas akibat insiden ini.

KEPKAS telah juga mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan Krisis bagi membincangkan isu – isu keselamatan dan langkah-langkah untuk memulihkan keyakinan pelancong pada 4 April 2014. Mesyuarat tersebut telah menggariskan strategi-strategi berikut sebagai langkah untuk menangani impak dari insiden penculikan tersebut:-

- i. Pada 4 April 2014, Lembaga Pelancongan Sabah (LPS) telah mengeluarkan Nasihat Perjalanan (*Travel Advisory*) bahawa Sabah adalah selamat untuk dikunjungi untuk dipaparkan di laman web LPS

dalam pelbagai bahasa dan juga diedarkan ke seluruh pejabat Lembaga Pelancongan Malaysia dalam dan luar negara, Syarikat-syarikat penerbangan serta pengusaha-pengusaha pelancongan dalam dan luar Negara;

- ii. Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, YB Datuk Pang Yuk Ming telah bertemu dengan Duta Negara China ke Malaysia, HE Huang Huikang di Kuala Lumpur pada 5 April 2014 untuk memaklumkan bahawa aktiviti pelancongan di Sabah berjalan seperti biasa;

Di samping itu, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ke China bersempena ulangtahun ke-40 persahabatan antara Malaysia dan China telah turut meyakinkan pelancong dari negara China tentang keselamatan di Malaysia terutamanya di Sabah serta memastikan bahawa Malaysia selamat untuk dilawati.

Sekian, terima kasih.